

25 AUG 2001

Mahathir-Bendera

PM TIBA DI IPOH UNTUK HADIRI PERHIMPUNAN PATRIOTIK

IPOH, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi menyaksikan bendera Malaysia terbesar dan menghadiri Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan 2001 di sini.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dengan pesawat khas di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, exco-exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Perdana Menteri kemudiannya pergi ke Sekolah Tunku Abdul Rahman (STAR) untuk menyaksikan dan menandatangani Malaysia Book of Records bagi pembuatan bendera Jalur Gemilang terbesar di Malaysia, yang juga dipercayai yang terbesar di dunia.

Bendera itu dihasilkan para pelajar, guru dan ibu bapa Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang (SMKSA) dan dibawa ke padang STAR.

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan disambut oleh kira-kira 3,000 pelajar SMKSA, STAR dan beberapa buah sekolah berhampiran.

Dr Mahathir kemudian menandatangani sijil bendera terbesar dalam Malaysia Book of Records.

Bendera yang menelan kos RM65,000 itu berukuran 108 meter lebar dan 159 meter panjang dengan berat hampir tiga tan. Rekod dunia bagi bendera terbesar sekarang ialah 77m x 154m.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri akan berlepas ke Stadium Indera Mulia untuk menghadiri perhimpunan patriotik yang dihadiri kira-kira 5,000 pengawas sekolah seluruh negara.

Selepas memeriksa perbarisan kehormat oleh pemimpin pelajar, beliau akan menyaksikan dari dekat kereta "buggy" menggunakan solar yang dicipta oleh Sekolah Menengah Teknik Ipoh.

Sebelum menyampaikan amanat beliau, Dr Mahathir akan menyaksikan persembahan simfoni orkestra terbesar yang dianggotai oleh 300 murid dan guru bagi dimasukkan ke dalam Malaysia Book of Records.

-- BERNAMA

AR PBA RHM